

30 JUL 2001

PAPAN KENYATAAN MASJID DIPENUHI RISALAH ANTI KERAJAAN

JERANTUT, 30 Julai (Bernama) -- Papan kenyataan di sebuah masjid di sini telah digunakan untuk menampal pelbagai risalah anti kerajaan dan penduduk yang menggunakan masjid berkenaan kesal dengan perkara itu.

Antara kenyataan yang ditampal di Masjid Tengku Ahmad itu ialah rencana mengkritik Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), surat layang mengutuk kerajaan, gambar dan risalah mengenai parti pembangkang.

Malahan sajak "Melayu Mudah Lupa" yang dibacakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini turut ditampal, tetapi versi yang diubahsuai, kata seorang daripada jemaah masjid itu.

Beberapa penduduk dan jemaah masjid berkenaan memberitahu Bernama, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana papan kenyataan itu berkunci dan kunci dipegang para pegawai masjid.

Mereka meminta Jabatan Agama Islam daerah Jerantut menyiasat dan mengambil tindakan segera.

-- BERNAMA

KMN MS RON